

Najib Lancar IGEM 2013
Bernama
11 Oct, 2013
Oleh Zarul Effendi Razali

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan Pameran dan Persidangan Produk Teknologi Hijau dan Eko Antarabangsa (IGEM 2013) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)di sini Jumaat.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili serta timbalannya Datuk Seri Mahdzir Khalid, meluangkan masa lebih daripada 30 minit melawat pameran itu.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

IGEM 2013, yang berlangsung selama empat hari bermula semalam, disertai 469 pempamer dari 23 negara termasuk Kesatuan Eropah, Jerman, Taiwan, China, Korea Selatan, Jepun dan Singapura.

Edisi keempat IGEM itu dijangka dihadiri lebih 60,000 pengunjung dengan potensi jualan sehingga RM1.2 bilion.

Objektif pameran dan persidangan yang bertemakan, "Advancing Green Growth and Global Entrepreneurship" itu menumpukan kepada lapan sektor termasuk pembangunan, pengangkutan, teknologi maklumat dan komunikasi, air dan pengurusan sisa buangan dan tenaga.

Syarikat yang menyertai IGEM 2013 antaranya ialah Panasonic Malaysia Sdn Bhd, Philips Malaysia Sdn Bhd, UMW Toyota Motor Sdn Bhd, Land Rover, Honda Malaysia Sdn Bhd, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984993>